

APA YANG DIPERLUKAN

• Bahan tanaman:

- Bekas tanaman (polibeg, pasu, bekas plastik terpakai).
- Benih sayur-sayuran (cth: cili kulai, buncis, timun, halia, kangkung, bayam)
- Media tanaman (peatmoss, kompos, sekam bakar, cocopeat).

• Alatan paip dan sistem fertigasi:

- Penitis (pen dripper capillary)
- Mikrotiub 4mm
- Tong / tangki air
- Stop Colt 16mm
- Poly Equal Elbow 16mm
- Poli Paip / paip PVC
- Baja Fertigasi AB

KENAPA PERLU SISTEM FERTIGASI

1. Pokok yang dihasilkan lebih cantik dan-seragam melalui pemberian nutrien lengkap yang boleh dikawal.
2. Penggunaan tenaga kerja yang minima dengan kos penyelenggaraan yang rendah (cth: merumpai, membaja).
3. Mengurangkan risiko *nutrient residue leaching* yang boleh memberi kesan pada alam sekitar.
4. Meminimakan penggunaan racun kimia.
5. Pelbagai media tanaman bersesuaian yang boleh digunakan tanpa menggunakan tanah.
6. Menjimatkan kos perbelanjaan sara hidup dan juga boleh menjana pendapatan melalui penghasilan sendiri sayur-sayuran di rumah.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pusat Transformasi Komuniti Universiti UPM
Bangunan Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM)
43400 UPM Serdang, Selangor
Adip: +603-89471826
Zaidi: +603-89471820
Web: www.uctc.upm.edu.my



PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI (UCTC) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PERTANIAN BANDARAN : PENANAMAN SAYUR
SECARA FERTIGASI RINGKAS



Disediakan oleh:
Muhammad Adip Mohd Tamami
Zaidi Tajuddin
UCTC UPM

APA ITU FERTIGASI

Fertigasi adalah gabungan dua perkataan iaitu *fertilizer* dan *irrigation* yang bermaksud suatu aplikasi pem-bajaan yang dijalankan di mana baja diberikan bersama secara lengkap kepada tanaman melalui sistem pengairan (irrigasi).

KONSEP FERTIGASI

- Penanaman tanpa tanah.
- Pengurusan tanaman yang lebih teratur & sistematik.
- Ringkas dan mudah untuk dilaksanakan
- Penggunaan kawasan yang minima

TUJUAN FERTIGASI

- Kos rendah & jimat tenaga kerja
- Mengurangkan potensi serangan penyakit & perosak pada pokok.
- Untuk mengeluarkan hasil yang lebih seragam, baik & cantik.
- Mengatasi masalah tanah tidak subur.

KAEDAH PENYEDIAAN FERTIGASI RINGKAS

Penyediaan media tanaman:

- 1** Sediakan media dengan nisbah yang betul.

(cth. Sabut kelapa : sekam bakar)



Sekam bakar Sabut Kelapa

Campur & gaul media sehingga rata.



- 3** Masukkan media ke dalam pasu / polibeg. Paras yang disyorkan adalah 2/3 pasu / polibeg.




KAEDAH PENYEDIAAN FERTIGASI RINGKAS

Penyediaan sistem fertigasi ringkas:

- 1** Sediakan tong tangki air & Tebuk 1 lubang sebagai salur keluar air. Kemudian sambung paip poli 16mm pada lubang tersebut.



- 2** Sediakan sambungan paip mengikut kesesuaian daripada tangki air ke salur paip (paip poli 16mm)



- 3** Tebuk lubang pada paip poli 16mm dan pasang tiub mikro pada lubang tersebut.



- 4** Kemudian, pasang penitis (dripper capillary) pada tiub mikro tersebut. Akhir sekali cucuk penitis pada media tanaman di pasu dan sistem fertigasi sudah siap sedia

